



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000**

**Februari 2000**

**EAA 503/4 – Penilaian Kesan Persekitaran**

**Masa : [ 3 jam ]**

---

**Arahan Kepada Calon:-**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat bercetak termasuk lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA (5)** jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA (5)** jawapan terbaik.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

...2/-

1. (a) Berikan penjelasan ringkas mengenai sebutan-sebutan berikut dalam konteks EIA:-
  - i. Pengawasan
  - ii. Kesan berbaki
  - iii. Penyertaan awam

(10 markah)
- (b) Sebuah pasaraya dan hotel akan didirikan dalam kawasan seluas 55 hektar. Di antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan semasa pembinaan ialah (a) pembersihan tapak dan (b) pelupusan sisa.
  - i. Kenalpasti sekurang-kurangnya **TIGA (3)** komponen persekitaran yang akan terganggu oleh setiap aktiviti tersebut.
  - ii. Senaraikan **TIGA (3)** kesan ke atas persekitaran yang mungkin untuk setiap aktiviti dinyatakan di atas.
  - iii. Senaraikan **SATU (1)** langkah tebatan untuk setiap kesan dalam (ii)

(10 markah)
2. (a) Dengan menggunakan gambarajah, terangkan dengan ringkas peringkat-peringkat utama dalam Penilaian Alam Sekitar. Berikan objektif-objektif untuk setiap peringkat utama yang dikenalpasti.

(5 markah)
- (b) Senaraikan dan terangkan dengan ringkas perkara-perkara yang harus ditulis dalam laporan penilaian terperinci.

(15 markah)
3. (a) Berikan **LIMA (5)** aktiviti yang memerlukan laporan penilaian terperinci.

(5 markah)
- (b) Kaedah **MATRIKS** merupakan metod yang paling popular digunakan dalam EIA. Terangkan secara ringkas cara penggunaannya.

(5 markah)
- (c) Peta dalam Lampiran 1 menunjukkan lokasi untuk projek pembinaan Empangan Air Sg Kinta, Hulu Kinta, Perak. Tujuan empangan ini dibina ialah untuk membekalkan air minuman kepada penduduk Ipoh dan sekitarnya. Jika sekiranya anda dikehendaki menyediakan 'pernyataan keperluan' dari segi permintaan bekalan air mengenai projek ini, bincangkan butir-butir yang harus anda kemukakan.

(6 markah)
- (d) Berdasarkan peta pada Lampiran 1 anda dimaklumkan bahawa terdapat empat buah penempatan Orang Asli di kawasan cadangan empangan. Huraikan dengan ringkas bagaimana harus anda membuat penilaian impak terhadap Orang Asli.

(4 markah)

4. (a) Huraikan dengan ringkas mengenai perkara-perkara berikut:
- i. Persekitaran
  - ii. Inventori persekitaran
  - iii. Penilaian kesan persekitaran
  - iv. Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Stockholm (1972) mengenai persekitaran sejagat (human environment).
- (8 markah)
- (b) Bincangkan perbezaan yang ada dari segi objektif Polisi Kebangsaan Penilaian Kesan Persekitaran (EIA) yang dirumus untuk Malaysia berlandaskan Rancangan Malaysia Ke Enam (1991 – 1995) dengan objektif atau tujuan Polisi Persekitaran yang dirumus oleh kerajaan Amerika melalui Akta Polisi Persekitaran Kebangsaan 1969 (National Environmental Policy Act, 1969).
- (12 markah)
5. (a) Huraikan dengan ringkas mengenai perkara-perkara berikut dari segi signifikannya kepada kesan persekitaran:
- i. Perubahan aliran untuk air permukaan
  - ii. Aras air untuk air bumi.
- (4 markah)
- (b) Huraikan **ENAM (6)** faktor yang perlu diambil kira atau dipertimbangkan apabila menilai mengenai signifikannya impak persekitaran yang akan timbul daripada sesuatu aktiviti projek.
- (6 markah)
- (c) Analisis impak persekitaran secara amnya boleh dipertimbangkan dalam **DUA (2)** bentuk berdasarkan pandangan atau pendapat yang diutarakan pada Simposium Gas dan Persekitaran di Minsk pada tahun 1977. Pertimbangan tersebut ialah (i) Pertimbangan bukan berdasarkan penglihatan (Non-visual consideration) dan (ii) Penyataan terhadap kesan penglihatan (Visual impact statements). Bincangkan dengan terperinci mengenai impak penglihatan serta teknik-teknik yang patut digunakan.
- (10 markah)
6. Aktiviti terpenting dalam Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) ialah menyediakan laporan yang mendokumentasikan segala keputusan tentang kesan-kesan alam sekitar untuk sesuatu projek itu.
- i) Berikan rangka topik-topik generik untuk dimuatkan dalam sebuah laporan EIA
  - ii) Terangkan dengan terperinci perkara-perkara yang perlu dimuatkan dalam topik-topik generik di atas (6i.)
  - iii) Senaraikan maklumat-maklumat generik yang diperlukan dalam sebuah laporan EIA untuk projek pembinaan.
- (20 markah)

...4/-

7. (a) Sebuah projek pembinaan kampus seluas 300 hektar di kawasan hutan simpanan dijangka akan memberikan kesan negatif terhadap persekitarannya. Senaraikan **LIMA (5)** kesan mungkin sewaktu fasa pembersihan dan kerja-kerja tanah dan berikan sekurang-kurangnya **DUA (2)** kaedah-kaedah yang perlu dilakukan untuk mengurangkan setiap kesan yang telah dikenalpasti tadi.

(10 markah)

- (b) Topik Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) menjadi satu tren masa kini yang dimuatkan dalam setiap laporan EIA. Terangkan dengan ringkas apa yang biasanya terkandung dalam EMP.

(10 markah)

oooOOOooo

